KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA
# KPWKM

LAPORAN HARIAN SABTU, 18 JANUARI 2025



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




18/1/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **GISBH: KPWKM RAYU IBU BAPA AMBIL ANAK DI INSTITUSI JKM** | | **POSITIF** |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/gisbh-kpwkm-rayu-ibu-bapa-ambil-anak-di-institusi-jkm | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2383741 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/01/17/448-kanak-kanak-gibh-diserah-semula-kepada-keluarga/ | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/17/gisbh-448-kanak-kanak-kembali-ke-pangkuan-keluarga | UTUSANBORNEO.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2383704 | BERNAMA.COM | |
| | https://berita.rtm.gov.my/highlights/senarai-berita-highlights/senarai-artikel/gisbh-kpwkm-appeals-to-parents-to-reclaim-their-children | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/17/most-children-from-gisb-linked-homes-returned-to-families-says-nancy | THESTAR.COM.MY | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/448-children-from-gisbh-homes-returned-to-their-families-nancy-AD13546789 | THESUN.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/01/17/448-children-from-gisbh-homes-returned-to-their-families-says-nancy/ | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/731956 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/17/women-minister-448-children-rescued-from-gisbh-homes-reunited-with-families-107-remain-under-care/163594 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/gisb-448-kanakkanak-telah-diserahkan-masih-ada-107-lagi-x9cidi2 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://thesun.my/cerita/berita/gisbh-448-kanak-kanak-kembali-ke-pangkuan-keluarga-nancy-KD13546873 | THESUN.MY | |
| | https://selangorjournal.my/2025/01/over-400-children-from-gisbh-homes-returned-to-families-minister/ | SELANGORJOURNAL.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1162286/nancy-urges-parents-reclaim-their-children-rescued-gisb | NST.COM.MY | |

18/1/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://www.youtube.com/watch?v=txMwg8eeBT8 | YOUTUBE | |
| | https://alhijrahnews.com/gisbh-448-kanak-kanak-kembali-ke-pangkuan-keluarga-nancy/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=gisbh-448-kanak-kanak-kembali-ke-pangkuan-keluarga-nancy | ALHIJARAHNEWS.COM | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/731953 | MALAYSIAKINI.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **ISU GISBH: 107 KANAK-KANAK MASIH DITEMPATKAN DI 8 INSTITUSI JKM** | | **POSITIF** |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1177593/isu-gisbh-107-kanak-kanak-masih-ditempatkan-di-8-institusi-jkm | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/107-anak-anak-gisbh-masih-dilindungi-jkm/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/01/17/107-anak-pengikut-gisbh-masih-di-bawah-jagaan-jkm/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/707695/berita/nasional/107-anak-anak-bekas-anggota-gisbh-tidak-dituntut#google_vignette | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/107-anakanak-bekas-anggota-gisb-tidak-dituntut-504951 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=YmF1Lq5zeaM | YOUTUBE | |
| | https://majoriti.com.my/berita/2025/01/17/107-anak-anak-bekas-anggota-gisb-tak-dituntut-keluarga---nancy-shukri | MAJORITI.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1350494/gisbh-tak-perlu-risau-datanglah-berunding-kita-bukan-nak-tangkap | BHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **RM2.5 JUTA DIPERUNTUK BAGI PEMBANGUNAN KAMPUNG ANGKAT MADANI DI TUMPAT** | | **POSITIF** |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/rm2-5-juta-diperuntuk-bagi-pembangunan-kampung-angkat-madani-di-tumpat | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/707703/berita/nasional/kpwkm-fokus-lima-aspek-utama-kampung-angkat-madani | SINARHARIAN.COM.MY | |

18/1/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **GRT LANCAR KEMPEN CODE RED UNTUK PERTINGKAT KESEDARAN ISU HAID** | | POSITIF |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/707676/berita/nasional/grt-lancar-kempen-code-red-untuk-pertingkat-kesedaran-isu-haid | SINARHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **DR WAN AZIZAH SERU WANITA JALANI UJIAN HPV DNA CEGAH KANSER SERVIKS** | | POSITIF |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php/am/news.php?id=2383803 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2383802 | BERNAMA.COM | |
| | https://selangorkini.my/2025/01/dr-wan-azizah-seru-wanita-jalani-ujian-hpv-dna-cegah-barah-serviks/ | SELANGORKINI.MY | |
| | https://selangorjournal.my/2025/01/dr-wan-azizah-advises-women-to-go-for-hpv-dna-test/ | SELANGORJOURNAL.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **BANJIR SARAWAK PULIH, PAHANG MENINGKAT SEDIKIT, SABAH KEKAL SETAKAT MALAM INI** | | NEUTRAL |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-sarawak-pulih-pahang-meningkat-sedikit-sabah-kekal-setakat-malam-ini-505041 | ASTROAWANI.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **8,135 PENERIMA BANTUAN JKM DAPAT SUMBANGAN TBC BERJUMLAH RM813,500** | | POSITIF |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/17/8135-penerima-bantuan-jkm-dapat-sumbangan-tbc-berjumlah-rm813500 | UTUSANBORNEO.COM.MY | |




18/1/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | **WAJAH ANAK BAWAH UMUR PERLU DILINDUNGI** | | POSITIF |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/707651/suara-sinar/analisis-sinar/wajah-anak-bawah-umur-perlu-dilindungi | SINARHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 9 | **MAYAT BAYI BERTALI PUSAT DI SURAU** | | NEGATIF |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/01/17/mayat-bayi-dalam-surau/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1177490/jemaah-terkejut-temukan-mayat-bayi-di-perkarangan-surau | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/707622/berita/semasa/jemaah-surau-terkejut-temui-mayat-bayi-perempuan#google_vignette | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2383578 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/bayi-perempuan-ditinggalkan-di-surau-2/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-siasat-penemuan-mayat-bayi-masih-bertali-pusat-di-rawang-504898 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1350355/mayat-bayi-perempuan-bertali-pusat-ditemui-di-kawasan-surau | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/17/body-of-newborn-baby-girl-discovered-at-rawang-surau-say-selangor-police/163563 | MALAYMAIL.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 10 | **KEMATIAN BAYI DALAM JAGAAN PENGASUH: POLIS TUNGGU LAPORAN PERUBATAN, KIMIA** | | NEUTRAL |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1177641/kematian-bayi-dalam-jagaan-pengasuh-polis-tunggu-laporan-perubatan-kimia | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/01/1162221/parents-demand-justice-babys-mysterious-death | NST.COM.MY | |

18/1/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 11 | **WANITA JEPUN TAK MENGAKU BUANG MAYAT BAYI DALAM TANDAS** | | **NEGATIF** |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/01/17/wanita-jepun-tak-mengaku-buang-mayat-bayi-dalam-tandas/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2383787 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2383805 | BERNAMA.COM | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/japanese-woman-charged-with-concealing-baby-s-birth-DD13547675 | THESUN.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-warga-jepun-didakwa-sembunyi-kelahiran-bayi-504993 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/17/japanese-woman-charged-with-concealing-baby039s-birth | THESTAR.COM.MY | |
| | https://themalaysianreserve.com/2025/01/17/japanese-woman-charged-with-concealing-babys-birth/ | THEMALAYSIANRESERVE.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 12 | **DUA LELAKI MENGAKU BERSALAH MILIKI BAHAN SEKSUAL KANAK-KANAK** | | **NEGATIF** |
| | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/dua-lelaki-mengaku-bersalah-miliki-bahan-seksual-kanak-kanak | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1177697/2-mengaku-salah-miliki-bahan-penganiayaan-seksual-kanak-kanak-bahan-lucah | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-lelaki-mengaku-salah-miliki-bahan-penganiayaan-seksual-kanakkanak-504981 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/01/17/lima-lelaki-mengaku-bersalah-miliki-bahan-penganiayaan-seksual-kanak-kanak/ | MALAYSIGAZETTE.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=rUR60x8g-No | YOUTUBE | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/17/two-men-plead-guilty-to-possessing-child-sexual-abuse-and-obscene-material-in-johor | THESTAR.COM.MY | |




18/1/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/17/two-in-johor-plead-guilty-to-having-thousand-of-child-sexual-abuse-photos-videos/163615 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/dua-lelaki-mengaku-miliki-simpan-gambar-video-seksual-kanak-kanak/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1350602/dua-lelaki-mengaku-salah-miliki-bahan-penganiayaan-seksual-video-lucah | BHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 13 | **WARGA EMAS DIDENDA RM7,000 CABUL KANAK-KANAK LELAKI** | | NEGATIF |
| | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2383822 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-didenda-rm7000-cabul-kanakkanak-lelaki-504997 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/707790/berita/semasa/warga-emas-didenda-rm7000-cabul-kanak-kanak-lelaki#google_vignette | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/warga-emas-mengaku-cabul-kanak-kanak-lelaki/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1350654/warga-emas-cabul-budak-didenda-rm7000 | BHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 14 | **TEACHER CHARGED WITH NON-PHYSICAL SEXUAL ABUSE OF MINOR** | | NEGATIF |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1162231/teacher-charged-non-physical-sexual-abuse-minor | NST.COM.MY | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/klang-teacher-pleads-not-guilty-to-non-physical-sexual-abuse-of-student-GD13544460 | THESUN.MY | |

18/1/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 15 | **JURULATIH HOKI SEKOLAH BERASRAMA TIDAK MENGAKU BERSALAH AMANG SEKSUAL** | | **NEGATIF** |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/jurulatih-hoki-sekolah-dituduh-buat-amang-seksual/ | UTUSAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 16 | **BURUH ROGOL, CABUL ANAK TIRI DIPENJARA 36 TAHUN DAN 22 SEBATAN** | | **NEGATIF** |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/707711/berita/semasa/buruh-rogol-cabul-anak-tiri-dipenjara-36-tahun-dan-22-sebatan | SINARHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 17 | **LELAKI ROGOL CUCU JIRAN DITAHAN** | | **NEGATIF** |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1177754/lelaki-rogol-cucu-jiran-ditahan | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/17/lelaki-ditahan-bantu-siasatan-rogol-jiran-bawah-umur | UTUSANBORNEO.COM.MY | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=bNU3mANEDeg | YOUTUBE | |
| | https://sabahmedia.com/2025/01/17/polis-tawau-tahan-seorang-lelaki-untuk-siasatan-kes-rogol-remaja-bawah-umur/ | SABAHMEDIA.COM | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/17/tawau-man-arrested-for-raping-teenage-neighbour | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/707715/berita/semasa/lelaki-ditahan-disyaki-rogol-jiran-bawah-umur#google_vignette | SINARHARIAN.COM.MY | |

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## LAPORAN ANALITIK HARIAN
## SABTU, 18 JANUARI 2025



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

## PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI




## PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI






# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




## LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA




## LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA




## LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN




## PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

| TAJUK BERITA | JUMLAH LIPUTAN |
|---|---|
| GISBH:<br>KPWKM rayu ibu bapa ambil anak di institusi JKM | 18 |
| 2<br>mengaku salah miliki bahan penganiayaan seksual kanak-kanak, bahan lucah | 9 |
| Jemaah<br>terkejut temukan mayat bayi di perkarangan surau | 7 |

## TAJUK BERITA UTAMA




# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL




**LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL**




**LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN**




**PEMPENGARUH UTAMA/KOL**

| TAJUK BERITA | JUMLAH LIPUTAN |
|---|---|
| Dua lelaki mengaku bersalah miliki bahan penganiayaan seksual kanak-kanak, lucah Dua lelaki mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret Johor | 5 |
| Polis sedang menyiasat kejadian lelaki orang kurang upaya (OKU) cedera dipercayai dipukul | 5 |
| KPWKM fokus lima aspek utama Kampung Angkat Madani Projek bernilai RM2.5 juta itu dapat memberi manfaat kepada penduduk terutama untuk meningkatkan ekonomi. | 1 |

**TAJUK TOPIK UTAMA**




# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL

## FRASA PALING POPULAR

trend yang sedang meningkat dalam mesej berkaitan topik




| | Most used in current period | Popularity change | Popularity score |
|---|---|---|---|
| 1 | kanak kanak | -4.5% ↓ | 100 |
| 2 | kuala lumpur | -12.4% ↓ | 67 |
| 3 | media sosial | -13.4% ↓ | 51 |
| 4 | warga emas | -28.0% ↓ | 49 |
| 5 | ketua polis | -5.3% ↓ | 45 |

| | Most used in previous period | Popularity score |
|---|---|---|
| 1 | kanak kanak | 100 |
| 2 | kuala lumpur | 73 |
| 3 | warga emas | 65 |
| 4 | media sosial | 56 |
| 5 | berita terkini | 47 |

## HASHTAG PALING POPULAR

mesej dalam perbincangan dengan menggunakan hashtag yang relevan.




| | Most used in current period | Popularity change | Popularity score |
|---|---|---|---|
| 1 | #awaninews | -16.1% ↓ | 100 |
| 2 | #awani745 | 7.1% ↑ | 58 |
| 3 | #malaysiagazette | 27.3% ↑ | 54 |
| 4 | #buletintv3 | -55.0% ↓ | 35 |
| 5 | #bhkes | -43.8% ↓ | 35 |

| | Most used in previous period | Popularity score |
|---|---|---|
| 1 | #awaninews | 100 |
| 2 | #sinarplus | 75 |
| 3 | #buletintv3 | 65 |
| 4 | #lifestylesinarharian | 62 |
| 5 | #bhkes | 52 |




# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

## METRIK UTAMA

| Mentions | Impressions | Interactions | Avg. influence score | Opinion leaders |
|---|---|---|---|---|
| 1.13k ↓ | 42.03M ↓ | 38.72k ↓ | 5.2/10 ↑ | 218 ↑ |
| 19.24% less than in previous period | -22.49% less than in previous period | -79.1% less than in previous period | 1.31% more than in previous period | 5.83% more than in previous perio |

## LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN




**Net sentiment**

This is -3 points compared to the previous period.

**Analyzed 1,124 mentions**

- 322 with positive sentiment
- 291 with neutral sentiment
- 511 with negative sentiment




**Mostly negative**

The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

## SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA



# ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

## TOPIK UTAMA

**MAYAT BAYI PEREMPUAN BERTALI PUSAT DITEMUI DI KAWASAN SURAU**

LIPUTAN BERITA

- KUALA LUMPUR: Mayat bayi perempuan yang masih bertali pusat ditemukan di Surau Al-Hidayah Kampung Melayu, dekat Pekan Rawang, petang tadi.
- Ketua Polis daerah Gombak, Asisten Komisioner Noor Ariffin Mohamad Nasir, penemuan mayat dalam keadaan lengkap berpakaian putih tertera perkataan 'Pureen' dan berbalut kain selimut itu dimaklumkan kepada pihaknya kira-kira jam 2.36 petang.
- Beliau berkata, siasatan mendapati mayat bayi diletakkan di atas kerusi di ruangan makan surau sebelum ditemui seorang lelaki yang juga kariah di surau terbabit.
- "Pemeriksaan lanjut tidak menemukan sebarang nota atau dokumen pengenalan diri bersama bayi berkenaan.
- "Maklumat boleh disalurkan dengan menghubungi pegawai penyiasat jenayah, Inspektor Siti Khatijah Ibrahim di talian 010-9073483 atau Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak di talian 03-61262222.
- "Kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan (menyembunyikan kelahiran)," katanya.

**CADANGAN**

Kempen 'Safe Haven baby hatch' sebagai tempat selamat untuk ibu yang tidak dapat menjaga bayi mereka. Melancarkan kempen kesedaran agar ibu yang terdesak tahu tentang kewujudan dan lokasi pusat ini. Langkah-langkah ini bertujuan mencegah kejadian pembuangan bayi, memberikan sokongan kepada ibu yang memerlukan, dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang tanggungjawab sosial.

**TINDAKAN**

- **KPWKM**
- **JKM**



Foto hiasan

# INFORMASI DARI NEGARA LUAR



Britain's Home Secretary Yvette Cooper chairs a meeting [File: Henry Nicholls/Reuters]

**Topik:** UK government announces new local inquiries into child sex abuse
[LINK]

**The United Kingdom's government** has announced it will back new local inquiries into child sexual abuse and undertake a "rapid" review of the extent of child sexual exploitation in the country, following criticism over historic grooming scandals from the US technology billionaire Elon Musk.

The scandals involved organised groups sexually exploiting vulnerable girls from the 1980s until at least the 2010s. A 2014 inquiry found at least 1,400 children were subjected to sexual exploitation in Rotherham between 1997 and 2013.

The issue was at the centre of a political firestorm last week when a war of words broke out between Musk and British Prime Minister Keir Starmer, who was director of public prosecutions in England when the scandals came to light.

Home Secretary Yvette Cooper on Thursday said the government would set out a timetable to implement the 20 recommendations of a national inquiry published in 2022 but would also go further and back new local investigations.

"Despite all those national inquiries, reports and hundreds of recommendations, far too little action has been taken, and shamefully little progress has been made," Cooper told Parliament.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ‘448 KIDS FROM GISBH HOMES RETURNED TO THEIR FAMILIES’ | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 18 JAN 2025 | M/SURAT : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# ‘448 kids from GISBH homes returned to their families’

**TUMPAT:** The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) has disclosed that 448 out of the 560 children rescued from charitable homes linked to GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) have been returned to their families.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri states that another five children have been placed with suitable guardians, while 107 others have been placed in eight Welfare Department (JKM) institutions, under permanent and interim court orders.

"Some parents wish to reclaim their children, but they may have been advised against it due to concerns about government action. I believe this is unfair.

"Previously, we did not return the children as we were awaiting police reports and legal processes. However, now that those processes are complete, the children must be reunited with their parents," she emphasised.

Nancy was speaking at a press conference after launching the 'Madani Integrasi Kasih' programme, in conjunction with the handing-over of the 'Madani Village Adoption Project' at Kampung Pasir Pekan Tengah, yesterday. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GISBH: 448 KANAK-KANAK KEMBALI KE PANGKUAN KELUARGA MASING-MASING | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 18 JAN 2025 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# GISBH: 448 kanak-kanak kembali ke pangkuan keluarga masing-masing

**TUMPAT:** Seramai 448 kanak-kanak dari rumah amal yang dikaitkan dengan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) diserahkan semula kepada keluarga masing-masing setakat ini, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata lima kanak-kanak ditempatkan di bawah penjagaan Orang Yang Layak dan Sesuai manakala 107 lagi ditempatkan di lapan institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat berikutan perintah tetap serta interim daripada mahkamah.

"Ada ibu bapa yang mahu menuntut anak mereka tetapi mungkin ada pihak menasihatkan mereka supaya tidak berbuat demikian kerana bimbang tindakan kerajaan. Saya rasa itu tidak adil.

"Sebelum ini, kami tidak menyerahkan kanak-kanak itu kerana masih menunggu laporan polis dan proses perundangan namun setelah proses itu selesai, kanak-kanak berkenaan perlu dikembalikan kepada ibu bapa mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Integrasi Kasih MADANI sempena penyerahan projek Kampung Angkat MADANI di Kampung Pasir Pekan Tengah di sini semalam.

Nancy berkata ibu bapa yang berhasrat mendapatkan semula anak mereka tidak perlu bimbang untuk tampil berbincang dan kementerian tidak mempunyai sebarang agenda tersembunyi, sebaliknya mahu membantu memastikan kebajikan serta keselamatan kanak-kanak berkenaan.

"Kami menjalankan tugas berdasarkan undang-undang. Saya menyeru ibu bapa yang menukar fikiran supaya datang kepada kami.

"Keputusan terbaik perlu dibuat demi kebaikan anak-anak. Walaupun kami menjaga mereka dengan baik, kasih sayang ibu bapa tidak dapat digantikan," katanya.

Nancy memaklumkan keseemua 560 kanak-kanak berkenaan terdiri 283 lelaki dan 277 perempuan ditempatkan di pusat perlindungan selepas JKM memperoleh perintah jagaan sementara daripada mahkamah bagi tempoh dua bulan mengikut Seksyen 25(2)(a) Akta Kanak-Kanak 2001. — Bernama



**LAWATAN:** Nancy (dua kiri) melawat gerai makanan ketika hadir pada Majlis Perasmian Program Integrasi Kasih MADANI Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sempena Penyerahan Projek Fizikal Kampung Angkat MADANI di Kampung Pasir Pekan Tengah dekat Tumpat, semalam. Turut sama Ketua Setiausahan KPWKM Datuk Dr Maziah Che Yusoff (tiga kiri). — Gambar Bernama




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 107 KANAK-KANAK GISBH BELUM DITUNTUT IBU BAPA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 18 JAN 2025 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 107 kanak-kanak GISBH belum dituntut ibu bapa

**Tumpat:** Seramai 107 kanak-kanak yang dikaitkan dengan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) masih berlindung di lapan institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga kini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata daripada jumlah itu, 102 kanak-kanak menerima perintah interim di institusi JKM, manakala selebihnya perintah tetap di bawah Seksyen 30(1)(d) Akta Kanak-kanak 2001.

Beliau berkata, 448 sudah dijaga keluarga masing-masing, manakala lima lagi di bawah jagaan Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS).

"Saya menasihati ibu bapa kepada kanak-kanak itu hadir mengambil anak masing-masing kerana difahamkan ada yang ingin menuntut (anak), tetapi mungkin ada yang nasihat supaya jangan dituntut dulu sebab ada kaitan dengan tindakan kerajaan.

"Itu tak adil sebab kita tak serahkan sebelum ini kerana menunggu laporan polis dan proses perundangan, jadi saya sarankan kepada ibu bapa yang terbabit, datanglah kepada kita.

"Kita tak mahu jaga anak orang dan tiada '*hidden* agenda', sebaliknya ingin membantu. Nak ambil anak orang bukan mudah, lagipun ramai lagi anak di institusi ini perlu dijaga," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Beliau diiringi Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Dr Maziah Che Yusoff hadir di Kampung Pasir Pekan Tengah, di sini merasmikan Program Integrasi Kasih MADANI Sempena Penyerahan Projek Fizikal Kampung Angkat MADANI KPWKM.

> "Datang berunding dengan kita apa yang jadi masalah sebenarnya. Jangan salahkan kita (JKM) kerana kita bukan mahu menangkap"



***Nancy Shukri,** Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*

Media sebelum ini melaporkan 660 kanak-kanak diselamatkan dalam Op Global dengan 559 daripada mereka mendapat perintah mahkamah untuk penjagaan dan perlindungan di bawah JKM bermula Oktober hingga Disember tahun lalu.

Mengulas lanjut Nancy berkata, pihaknya mengenal pasti keluarga kanak-kanak yang belum dituntut itu dan ada yang berhubung, namun enggan datang menuntut anak mereka atas alasan tersendiri, termasuk bimbang ditahan pihak berkuasa.

Sehubungan itu beliau berkata, ibu bapa tidak perlu risau untuk datang mengambil anak mereka kerana mereka boleh berunding, selain perlu hadir ke mahkamah untuk proses penyerahan anak masing-masing.

"Apa yang perlu adalah untuk kita serahkan kembali dan ibu bapa perlu juga hadir ke mahkamah, tapi bukan untuk ditangkap melainkan ada kesalahan dan itu polis yang uruskan.

"Datanglah berunding dengan kita apa yang jadi masalah sebenarnya. Jangan salahkan kita (JKM) kerana kita bukan mahu menangkap, tetapi melindungi keadaan mereka," katanya.




# RM2.5 juta diperuntuk bagi pembangunan Kampung Angkat MADANI di Tumpat

Nasional - Dicipta: 17 Januari 2025 01:36 PM - Kemas kini: 17 Januari 2025 01:36 PM




*Jeti Kasih terletak di Kampung Pasir Pekan Tengah dirasmikan Menteri KPWKM Datuk Seri Nancy Shukri pada Majlis Perasmian Program Integrasi Kasih MADANI KPWKM sempena Penyerahan Projek Fizikal Kampung Angkat MADANI/ BERNAMA*

***TUMPAT, 17 Januari***- Sebanyak RM2.5 juta diperuntukkan bagi melaksanakan pembangunan projek fizikal dan bukan fizikal di Kampung Pasir Pekan Tengah, Tumpat, Kelantan sebagai Kampung Angkat MADANI.

Menteri Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Datuk Seri Nancy Shukri berkata, lima aspek utama diberi keutamaan termasuk pembangunan logistik melibatkan pembinaan jeti terapung menggunakan teknologi biokomposit (kenaf) dengan kerjasama Agensi Nuklear.

Beliau berkata selain untuk kegunaan penduduk setempat yang menjadikan sungai sebagai sumber rezeki, jeti tersebut akan menjadi laluan pihak bomba dan penyelamat bagi operasi menyelamat mangsa lemas atau ketika banjir.

Aspek keselamatan turut diutamakan dengan pemasangan 20 unit lampu solar bagi menambah baik persekitaran yang gelap.

Datuk Seri Nancy turut menyatakan selain kemudahan fizikal, projek bukan fizikal seperti program psikososial, pemeriksaan kesihatan, penubuhan pusat aktiviti warga emas (PAWE) dan pasukan perlindungan serta kebajikan kanak-kanak turut dilaksanakan.

Inisiatif ini memberikan manfaat besar kepada semua lapisan masyarakat, daripada kanak-kanak hingga warga emas.

Kesemua projek itu membuktikan komitmen Kerajaan Perpaduan terhadap pembangunan komuniti.

"Memang banyak keperluannya, di kampung ini sahaja kita dapat lihat serba kekurangan. Pada hari ini kita dapat melihat jalan raya, di tebing sungai ada tempat sangkar ikan dan tempat permainan kanak-kanak.

"Walaupun kecil... tetapi ia dapat meningkatkan wajah kampung ini yang memberi imej cantik tempat orang-orang di sini untuk memanfaatkannya. Malah ada solar, semua itu telah dapat membantu infrastruktur di sini", katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Integrasi Kasih MADANI KPWKM sempena Penyerahan Projek Fizikal Kampung Angkat MADANI di Tumpat.

Turut hadir Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Dr Maziah Che Yusoff.

Tambahnya, menerusi program ini, pihaknya komited untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan terus kepada rakyat.

KPWKM yakin projek Kampung Angkat MADANI yang diinspirasikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim itu dapat memberikan manfaat optimum terus kepada penduduk dan meningkatkan kesejahteraan komuniti setempat.

Projek dilaksanakan menerusi kerjasama strategik antara agensi persekutuan dan negeri, badan bukan kerajaan (NGO) serta sukarelawan sekali gus mencerminkan kesepaduan dalam memikul tanggungjawab untuk memastikan kesejahteraan rakyat.

# GRT lancar Kempen CODE RED untuk pertingkat kesedaran isu haid

RAIHAM MOHD SANUSI Follow

17 Januari 2025 10:02am



Noraini (dua dari kiri) menyampaikan 'hygine pack' kepada remaja perempuan selepas melancarkan Kempen CODE RED di Masjid Wilayah, Kuala Lumpur pada Khamis malam.

KUALA LUMPUR – Global Relief Team (GRT) melancarkan Kempen CODE RED untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu haid, memartabatkan wanita dan memperkukuhkan kesihatan mental dalam masyarakat.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, kempen tersebut bertujuan mengatasi stigma dan cabaran berkaitan haid yang masih wujud di kalangan masyarakat sehingga kini.

"Haid bukan lagi suatu topik yang harus dianggap tabu atau sensitif. Ia adalah fakta biologi yang dialami oleh separuh daripada populasi dunia.



Noraini

"Namun, stigma, kurangnya pendidikan dan akses kepada produk kebersihan haid yang mencukupi masih menjadi cabaran besar khususnya dalam kalangan golongan B40, pelajar dan komuniti luar bandar," katanya ketika berucap menyempurnakan pelancaran kempen itu yang diadakan di Masjid Wilayah di sini pada Khamis malam.

Kempen berkenaan dilancarkan GRT secara bersama dengan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Pertubuhan Kebajikan Mohd Chan, Masjid Wilayah dan Persatuan Orang Kurang Upaya (OKU) Sentral.

Sempena majlis pelancaran berkenaan, Duta Global Relief Trust merangkap Felo Penyelidik Kanan dalam Kesihatan Global University St George London, Dr Farah Seedat dan Pensyarah Kanan Sosiologi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Syarifah Fatimah Alzahrah Syed Hussein Al-Attas turut membuat pembentangan mengenai isu kemiskinan haid.

Mengulas lanjut, Noraini berkata, masalah kemiskinan haid dapat dibahagikan kepada tiga peringkat utama iaitu pertama, kos produk berkaitan haid menjadi halangan besar bagi ramai wanita dan remaja perempuan akibat kekangan kewangan.

"Mereka tidak mampu membeli produk asas seperti tuala wanita atau tampon, yang membawa kepada ketidaksesuaian penjagaan kebersihan diri. Kedua, kekurangan pendidikan dan kesedaran iaitu ramai yang tidak mendapat maklumat tepat tentang penjagaan kebersihan semasa haid sekali gus meningkatkan risiko terhadap kesihatan mereka.

"Ketiga, malu, stigma dan pantang larang yang menyebabkan wanita berasa terasing dan enggan berbicara tentang keperluan mereka kerana sikap negatif masyarakat terhadap isu haid," ujarnya.

Menurut Noraini, kajian yang dijalankan rakannya mendapati ada antara remaja perempuan tidak bersekolah kerana tidak mampu membeli tuala wanita dan terpaksa menggunakan sabut kelapa sebagai pengganti.

"Sebab itu beliau dan rakan-rakannya telah mengusahakan pembuatan tuala wanita guna semula dengan menggerakkan ibu tunggal untuk jahit tuala wanita guna semula ini sebelum dibekalkan kepada mereka yang memerlukan.

"Maka menjadi harapan saya agar Kempen CODE RED ini mampu memberi pendidikan tentang kepentingan penjagaan kebersihan haid seterusnya menghapuskan stigma sedia ada hari ini melalui dialog terbuka dan inklusif serta memastikan akses kepada produk kebersihan haid untuk golongan yang memerlukan.

"Saya percaya, kempen CODE RED bukan sekadar satu acara tetapi satu gerakan untuk membawa perubahan," ujarnya.

Sementara itu, Pengasas Global Relief Trust, Shaheed Ur Rehman memaklumkan, selain daripada isu kesihatan fizikal, kempen tersebut juga memberi perhatian khusus kepada kesihatan mental wanita.

Katanya, ramai wanita mengalami tekanan emosi dan fizikal disebabkan oleh stigma haid serta perubahan hormon semasa kitaran haid, justeru kempen terbabit akan mendorong penyediaan platform untuk berkongsi pengalaman tanpa rasa malu dan meningkatkan akses kepada kaunseling serta sokongan psikologi.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA DISERU JALANI UJIAN HPV DNA CEGAH KANSER SERVIKS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 18 JAN 2025 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita diseru jalani ujian HPV DNA cegah kanser serviks

## Ujian yang disediakan oleh LPPKN mengguna pakai kaedah 'self test'

**BUKIT MERTAJAM: Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menyeru golongan wanita negara ini untuk menjalani saringan ujian papilomavirus manusia (HPV) DNA yang disediakan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam usaha mencegah kanser serviks.**



WAN AZIZAH

> "Kaum lelaki juga perlu ambil tahu kerana keluarganya mempunyai ibu, isteri, anak perempuan yang turut perlu menjalani saringan HPV DNA. Kanser ini boleh dicegah jika dikesan pada peringkat awal."
>
> **Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail**
> *Isteri Perdana Menteri*

Beliau berkata saringan berkenaan bagi meningkatkan kesedaran semua pihak, khususnya golongan wanita mengenai kesihatan pangkal rahim selain pentingnya melakukan pengesanan awal, dan wanita berusia 30 tahun dan ke atas adalah kumpulan paling berisiko.

"Ujian HPV DNA yang disediakan oleh LPPKN mengguna pakai kaedah membolehkan wanita mengambil sampel sendiri atau 'self test'. Ia (ujian) percuma, tidak menyakitkan dan less invasive (kurang invasif) jika dibandingkan dengan kaedah lain.

"Kaum lelaki juga perlu ambil tahu kerana keluarganya mempunyai ibu, isteri, anak perempuan yang turut perlu menjalani saringan HPV DNA. Kanser ini boleh dicegah jika dikesan pada peringkat awal," katanya ketika berucap pada Majlis Karnival Santuni MADANI: Wanita Sihat Keluarga Sejahtera di pekarangan Madrasah Al-Mashoor di sini semalam.

Karnival berkenaan diadakan sempena sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Peringkat Negeri Pulau Pinang 2025 yang turut dihadiri Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam Lim Siew Khim dan Ketua Pengarah LPPKN Abdul Shukur Abdullah.

Dr Wan Azizah turut menekankan keutamaan kesihatan wanita kerana golongan itu berperanan melindungi dan mempertahankan institusi keluarga sebagai benteng serta tunjang kestabilan sosial negara.

Media sebelum ini melaporkan, kanser serviks ialah kanser keempat paling biasa dalam kalangan wanita di Malaysia dengan kira-kira 1,740 kes baharu dan 991 kematian dilaporkan setiap tahun, menurut Pusat Maklumat HPV.

Dr Wan Azizah yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak turut mengingatkan mengenai kadar kesuburan rakyat Malaysia yang semakin menurun dan pada masa sama negara sedang menuju ke arah negara menua.

Justeru, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada LPPKN di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana terus melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kadar kesuburan.

Pada majlis itu, Dr Wan Azizah turut menyampaikan baucar WCaRe, bantuan Back to School dan Food Box kepada 200 wanita, 260 murid dan 200 keluarga berpendapatan rendah di kawasan Tanah Liat di sini.

LPPKN menyediakan baucar berkenaan kepada wanita yang layak sebagai manfaat menggalakkan lebih ramai wanita menjalani saringan ujian kanser serviks manakala bantuan beg sekolah dan barang makanan pula sumbangan Pertubuhan Kebajikan Amal Silaturahim Isteri-Isteri Harapan Malaysia (KASIH Malaysia), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Yayasan Food Bank. — Bernama

# Banjir Sarawak pulih, Pahang meningkat sedikit, Sabah kekal setakat malam ini

Bernama
17/01/2025 21:53 MYT



*Di Sarawak, semua 44 mangsa daripada 22 keluarga yang berlindung di PPS telah dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing pada jam 2 petang tadi selepas banjir surut. - Gambar hiasan*

**KUALA LUMPUR:** Situasi banjir di Sarawak pulih sepenuhnya, manakala di Pahang jumlah mangsa yang berlindung di pusat pemindahan sementara (PPS) meningkat sedikit, selain di Sabah kekal setakat 8 malam ini.

Di **SARAWAK**, menurut Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), semua 44 mangsa daripada 22 keluarga yang berlindung di PPS Dewan Kompleks Sukan Kanowit telah dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing pada jam 2 petang tadi selepas banjir surut dan keadaan selamat.

Di **PAHANG**, menurut aplikasi Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), mangsa yang terjejas banjir di Raub merekodkan peningkatan sedikit kepada 32 mangsa daripada 13 keluarga malam ini berbanding 31 mangsa daripada 12 keluarga pada pagi tadi.

Semua mangsa ditempatkan di PPS Sekolah Kebangsaan Ulu Sungai, Raub.

Portal infobanjir.water.gov.my Jabatan Pengairan dan Saliran pula merekodkan tujuh sungai melebihi tahap waspada iaitu Sungai Belat di Jambatan Gambang, Sungai Belat di Sri Damai dan Sungai Rimau di Kuantan; Sungai Dong di Kampung Peruas, Raub; Sungai Keratong di Rompin; Sungai Luit di Kampung Subuh, Maran, dan Sungai Pahang di Kuala Krau, Temerloh.

Sementara itu, di **SABAH**, jumlah mangsa banjir dari Kampung Tamisan dan Kampung Radu Tigaman yang ditempatkan di PPS Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bengkongan, Kota Marudu, kekal dengan 17 mangsa daripada enam keluarga malam ini.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 8,135 PENERIMA BANTUAN JKM DAPAT SUMBANGAN SEMPENA TBC | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 18 JAN 2025 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 8,135 penerima bantuan JKM dapat sumbangan sempena TBC

## Daripada jumlah itu 836 orang adalah penerima di bahagian Miri

Oleh Rosemaria Buma

**MIRI: Seramai 8,135 orang atau 14 peratus daripada jumlah penerima bantuan di negeri ini akan menerima sumbangan sempena Tahun Baharu Cina (TBC) 2025, dengan jumlah keseluruhan bantuan bernilai RM813,500.**

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, daripada jumlah itu 836 orang merupakan penerima di bahagian Miri.

"Pun begitu, hanya 150 orang penerima telah dijemput dan diraikan pada Majlis Sejambak Kasih Tahun Baharu Cina 2025 hari ini (semalam).

"Manakala bagi 686 orang penerima yang tidak berpeluang hadir, sumbangan RM100 yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan dikreditkan terus ke akaun mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sejambak Kasih Tahun Baharu Cina 2025 anjuran Hotel Dynasty dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Miri di pekarangan hotel berkenaan pagi semalam.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak Datuk Rosey Yunus, Timbalan Pengarah JKM Sarawak Noorhayati Abdul Rahman dan Pengarah Urusan Hotel Dynasty Tony Pui.

Menurut Fatimah, program anjuran JKM Sarawak ini telah menjadi tradisi selama lebih 20 tahun dan bertujuan meringankan beban golongan memerlukan sempena musim perayaan.

"Setiap penerima sumbangan yang hadir pagi ini akan menerima wang tunai RM100 daripada JKM dan bakul makanan bernilai RM150 sumbangan pihak hotel.

"Program Sejambak Kasih ini bukan sekadar menyampaikan bantuan tetapi juga lambang perpaduan dan solidariti rakyat Sarawak," ujar beliau lanjut.

Sementara itu, Tony ketika berucap pada majlis tersebut memberitahu bahawa pihaknya telah membelanjakan RM22,500 untuk menyediakan 150 bakul makanan untuk disumbangkan kepada 150 penerima terbabit.

"Berdasarkan tanggungjawab korporat untuk 'mengambil daripada masyarakat dan menyumbang semula kepada masyarakat', hotel kami telah menganjurkan acara sumbangan ini sejak tahun 2001 dan kini memasuki tahun ke-25.

"Kerjasama dengan JKM Miri telah bermula sejak 2003, menjadikan ini tahun yang ke-23 kami bekerjasama menganjurkan majlis serupa sebanyak tiga kali setahun iaitu Tahun Baharu Cina, Hari Raya dan Hari Gawai Dayak," katanya.

Sehubungan itu, Tony berharap para penerima sumbangan tidak menilai nilai barangan atau wang yang diterima, sebaliknya menghargai keprihatinan kerajaan dan komuniti prihatin yang sentiasa menghulur sumbangan kepada mereka.



**RINGANKAN BEBAN: Fatimah (tiga kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima sambil disaksikan Rosey dan Tony (dua kiri) serta tetamu kehormat yang lain pada Majlis Sejambak Kasih Tahun Baharu Cina di Miri, pagi semalam.**

> "Program Sejambak Kasih ini bukan sekadar menyampaikan bantuan tetapi juga lambang perpaduan dan solidariti rakyat Sarawak."
>
> **Dato Sri Fatimah Abdullah**
> *Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak*

# Wajah anak bawah umur perlu dilindungi

NOOR AZLIDA ALIMIN Follow

17 Januari 2025 09:00am




Gambar dan visual kanak-kanak dikongsi di media sosial, tanpa disedari telah melanggar hak privasi mereka. Gambar hiasan.

ISU wartawan melontarkan soalan terhadap anak bawah umur 18 tahun dalam kancah rumah tangga Zahnita Dorothy Hussien Wilson dan suaminya, Abdul Zackery Ghouse Abdul Gafor mengundang pelbagai reaksi masyarakat.

Apa tidaknya, ada yang menyokong tindakan anak sulung bekas peragawati yang berusia 39 tahun itu dan ada juga mengecam tindakan tersebut.

Lebih teruk apabila wajah remaja itu tersebar ke seluruh medium media sosial.

Hakikatnya identiti kanak-kanak bawah umur termasuk remaja belasan tahun, apatah lagi gambar mereka, tidak boleh disebarkan ke mana-mana medium media.

Sebarang kes mahkamah, sekiranya melibatkan mangsa mahupun tertuduh sendiri sebagai tertuduh, sekiranya mereka merupakan anak bawah umur, kita wajar mengelak daripada menyebarkan wajah mereka.

Lebih-lebih lagi sekiranya ia melibatkan kes di bawah Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Jika dilihat menerusi Akta Kanak-Kanak 2001 pula, ia dengan jelas menunjukkan bahawa, sebarang bentuk penderaan, pengabaian atau gangguan meskipun dalam bentuk yang dianggap tidak berbahaya, boleh menjadi satu kesalahan serius.

Gambar dan visual kanak-kanak dikongsi di media sosial, tanpa disedari telah melanggar hak privasi mereka.

Lihat sahaja kepada seorang pemandu bas yang ditahan selepas memuat naik rakaman video penumpangnya yang merupakan murid sekolah rendah sebagai orang kesayangan atau crush pada 5 September tahun lalu.

Dia yang dikenali sebagai 'Aban Ba' kemudiannya didakwa Mahkamah Sesyen Batu Pahat, atas satu pertuduhan memuat naik komen jelik berhubung video seorang kanak-kanak perempuan.

Lelaki berumur 24 tahun itu didakwa membuat dan menghantar komen bersifat jelik terhadap video seorang kanak-kanak berusia sembilan tahun dengan kapsyen 'hari ini crush buat homework' diikut tanda 'love' sambil memerhatinya.

Menjadi hak ibu bapa untuk berkongsi memori bersama anak-anak namun perlu diingat, kita sebagai 'orang luar' tidak wajar untuk merampas privasi itu.

Ramai artis tanah air yang memilih untuk tidak mendedahkan wajah anak-anak ketika masih di peringkat bayi.

Tidak perlu rasa rimas dengan tindakan segelintir selebriti yang berkongsi gambar bayi mereka tetapi tidak mendedahkan wajah sepenuhnya.

Sedarlah hakikat bahawa kita hanya 'orang luar' dan sekadar menjadi peminat dalam kehidupan mereka.

Pelakon, Datin Lisa Surihani juga pernah berpendirian sedemikian apabila bercadang tidak mahu mendedahkan wajah anak yang baru dilahirkan.

Begitu juga dengan pelakon, Datin Elvina Mohamad yang memilih untuk mengurangkan perkongsian mengenai keluarga di media sosial bagi mengelak penyakit ain.

Paling mencuri perhatian ialah selebriti dan usahawan, Neelofa atau nama sebenar Noor Neelofa Mohd Noor, terkilan dengan tindakan individu yang menceroboh privasi keluarga, apabila menyebarkan wajah anaknya, Muhammad Bilal dalam laman sosial tanpa izin.

Susulan itu, semua pihak termasuk petugas media perlu peka agar tidak sewenang-wenangnya menyiarkan wajah kanak-kanak.

Perkara sama pernah diutarakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said apabila beliau mengingatkan orang ramai agar tidak menerbitkan sebarang gambar kanak-kanak yang terlibat dalam prosiding jenayah di media.

Ini kerana katanya, tindakan itu boleh membawa kepada pertuduhan jenayah di mahkamah.

Salah satu langkah yang baik ialah membabitkan Kementerian Komunikasi, apabila merancang untuk mewujudkan satu garis panduan merakam foto, video atau kandungan berkaitan kanak-kanak bawah umur sebagai rujukan awam.

Ia dalam usaha membendung penyalahgunaan imej kanak-kanak daripada dimanipulasi pihak lain.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil juga pernah mengingatkan golongan pendidik di institusi pendidikan agar mematuhi undang-undang termasuk tidak menghasilkan kandungan di platform media sosial yang melibatkan kanak-kanak.

Beliau turut memohon, mereka yang menghasilkan kandungan termasuklah guru, agar tidak memapar, pamer, rakam dan menyiarkan wajah kanak-kanak di bawah tanggung jawab didikan mereka.

Ini kerana, ia merupakan pelanggaran undang-undang di bawah Akta Kanak-kanak.

**Noor Azlida Alimin ialah Wartawan Sinar Harian Meja Jenayah & Mahkamah*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JEMAAH SURAU JUMPA MAYAT BAYI BERSELIMUT | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 18 JAN 2025 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Jemaah surau jumpa mayat bayi berselimut

**Gombak:** Jemaah sebuah surau di pekan Rawang di sini terkejut apabila menemui mayat bayi perempuan di pekarangan surau itu.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Noor Ariffin Mohamad Nasir berkata, pihaknya menerima laporan berkaitan kejadian berkenaan pada jam 2.36 petang kelmarin.

"Siasatan awal dijalankan mendapati mayat bayi itu ditemui ditinggalkan di pekarangan surau berkenaan.

"Bayi itu didapati tiada pengenalan diri serta lengkap berbaju putih, dibaluti dengan kain selimut dan masih bertali pusat," katanya.

Katanya, mayat bayi itu kemudian dihantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk tindakan lanjut.

> *Bayi itu didapati tiada pengenalan diri serta lengkap berbaju putih, dibaluti dengan kain selimut dan masih bertali pusat"*
>
> **Noor Ariffin**

"Kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian itu diminta menghubungi Pegawai Penyiasat Jenayah, Inspektor Siti Khatijah Ibrahim di talian 010-9073483 atau menghubungi Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak di talian 03-61262222," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TUNGGU LAPORAN PERUBATAN, KIMIA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 18 JAN 2025 | M/SURAT | : | 23 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

BAYI MENINGGAL DALAM JAGAAN PENGASUH

# Tunggu laporan perubatan, kimia

**Kuala Lumpur:** Polis masih menyiasat kes kematian bayi lelaki berusia 11 bulan ketika dalam jagaan pengasuhnya di Muar, Johor pada 30 Oktober lalu sebagai mati mengejut sehingga menerima keputusan laporan perubatan dan kimia.

Ketua Polis Daerah Muar Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz ketika dihubungi mengesahkan pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu.

Menurutnya, kes itu diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR) dan pihaknya menunggu laporan perubatan dan kimia.

Sementara itu, bapa kepada bayi berkenaan, Syamsul Bakti Shor Kawi, 33, menuntut keadilan bagi kematian anaknya yang disyaki akibat kecuaian pengasuhnya.

Menceritakan semula kejadian berkenaan, Syamsul berkata, isterinya, Nurul Hidayah Sharbani, 32, menghantar bayi mereka, Muhammad Arasy Lutfi, 11 bulan, ke rumah pengasuh jam 8.50 pagi pada 30 Oktober 2024.

"Sejam kemudian pengasuh menghubungi isteri dan memaklumkan anak dalam keadaan biru. Isteri kemudian minta pengasuh hantar anak ke klinik berhampiran sementara menunggu dia ke sana.

"Pengasuh kemudian memaklumkan pihak klinik minta anak dihantar ke hospital. Sebaik tiba di hospital, keadaan anak sudah biru dan badannya sejuk.

"Doktor yang merawatnya kemudian mengesahkan anak sudah meninggal dunia selepas melakukan asas bantuan pernafasan kecemasan (CPR) terhadapnya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Syamsul berkata, semasa di hospital, pengasuh memaklumkan anak sedang diberi susu sebelum diletakkan di dalam buaian automatik.



GAMBAR kenangan Syamsul bersama Nurul Hidayah dan Muhammad Arasy.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | FOREIGNER CHARGED WITH CONCEALING BABY'S BIRTH | | |
| HARI : | SABTU | AKHBAR : | THE STAR |
| TARIKH : | 18 JAN 2025 | M/SURAT : | 10 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Foreigner charged with concealing baby's birth

**KUALA LUMPUR:** A Japanese woman has pleaded not guilty in the Magistrate's Court here to a charge of concealing the birth of a baby girl by dumping the infant in a shopping mall toilet last Sunday.

Noda Junko, 36, was charged with concealing the birth of a baby by disposing of the infant's body in the women's toilet of a shopping mall in Cheras between 3pm and 5.15pm on Jan 12.

Under Section 318 of the Penal Code, the charge carries a maximum sentence of two years' imprisonment, a fine, or both upon conviction.

Deputy public prosecutor Nursyuhada Husna Sulaiman proposed RM10,000 bail with two sureties. However, lawyer Muhammad Afif Che Had, representing the accused, appealed for a lower bail, citing that it was his client's first offence.

"My client has been living and working in Malaysia for almost three years and has no criminal record," said the lawyer.

Magistrate Noorelynna Hanim Abd Halim granted the accused bail of RM6,000 with two sureties and imposed the additional condition that the woman surrender her international passport to the court pending the disposal of the case. The court fixed March 27 for case mention. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DUA LELAKI MILIKI BAHAN LUCAH KANAK-KANAK | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 18 JAN 2025 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




KIEN Yoong (baju biru) dan Xin Yi (baju merah) mengaku bersalah memiliki bahan lucah kanak-kanak.

# Dua lelaki miliki bahan lucah kanak-kanak

**Johor Bahru:** Dua lelaki mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret, di sini, semalam, terhadap lima pertuduhan memiliki bahan penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak serta bahan lucah, pada Disember 2024.

Tertuduh, Lim Xin Yi, 31 yang bekerja sendiri berdepan tiga pertuduhan, manakala pemandu e-hailing, Goh Kien Yoong, 37, berdepan dua pertuduhan berasingan, membuat pengakuan selepas pertuduhan dibacakan dalam Bahasa Mandarin.

Di hadapan Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim, Xin Yi berdepan dua pertuduhan iaitu mempunyai 2,172 keping gambar dan 400 video bahan penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak, di dua komputer berbeza.

Kedua-dua kesalahan itu dilakukan di Jalan Hang Lekir 18, Taman Skudai Baru, jam 10.30 malam, 23 Disember 2024.

Kien Yoong berdepan satu pertuduhan iaitu memiliki bahan penganiayaan seksual kanak-kanak sebanyak 211 keping foto dalam komputer riba, yang dilakukan di Jalan Indah 26/7, Taman Bukit Indah 2 di Iskandar Puteri, jam 9 malam, 23 Disember 2024.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TWO MEN ADMIT TO HAVING CHILD PORN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 18 JAN 2025 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




*Sessions Court Judge Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim set Feb 13 to hear the facts of the case and sentencing for Lim Xin Yi (left) and Goh Kien Yoong for possession of child pornography.*
BERNAMA PIC

**SENTENCING ON FEB 13**

# Two men admit to having child porn

**JOHOR BARU:** Two men pleaded guilty in the Sessions Court here yesterday to possession of child pornography on their computers.

Judge Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim fixed Feb 13 to hear the facts of the case and sentencing for Lim Xin Yi, 31, and Goh Kien Yoong, 37.

Lim, a former e-hailing driver, was charged with two counts of possessing child pornography involving 1,961 photos and 400 videos in a computer central processing unit (CPU) and 211 photos in another computer CPU at Taman Skudai Baru here, at 10.30pm on Dec 23 last year.

Goh, who is self-employed, was charged with having child pornography involving 211 photos and one video on a laptop at Taman Bukit Indah 2, Iskandar Puteri, at 9pm the same day.

The charges under Section 10 of the Sexual Offences Against Children Act 2017 carry a prison sentence of up to five years or a maximum fine of RM10,000 or both, upon conviction.

The court granted the two men bail of RM10,000 on each charge with one surety, and ordered them to surrender their passports and report to a nearby police station once a month.

Deputy public prosecutor Nur Farah Wahida Shahudin prosecuted while Lim and Goh were unrepresented.

In the magistrate's court, Lim pleaded guilty to possessing obscene pictures and videos at Taman Skudai Baru at 10.30pm on Dec 23 last year.

The charge under Section 292(a) of the Penal Code provides for a three-year imprisonment or a fine, or both, upon conviction.

Magistrate A. Shaarmini imposed a RM5,000 fine, in default five months' jail.

Goh, in another magistrate's court, pleaded guilty to possessing pornographic photos and videos on his mobile phone at Taman Bukit Indah 2, at 9pm on Dec 23 last year.

Magistrate Hidayatul Syuhada Shamsudin imposed a RM5,000 fine, in default 12 months' jail.

Deputy public prosecutors Nur Fatihah Mohd Nizam and R. Nevina prosecuted.

Both the accused were unrepresented. **Bernama**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DUO PLEAD GUILTY TO POSSESSING CHILD PORN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 18 JAN 2025 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Duo plead guilty to possessing child porn

**JOHOR BARU:** Two men pleaded guilty at the Sessions and Magistrate's Courts for possessing child sexual abuse material and obscene material in December last year.

Self-employed Lim Xin Yi, 31, and e-hailing driver Goh Kien Yoong, 37, were charged separately here yesterday.

At the Sessions Court, Lim faced two charges of having 2,172 photographs and 400 videos of sexual abuse against children, on two different computers.

Goh was charged with possessing material of sexual abuse against children with 211 photos in a laptop.

Both were charged under Section 10 of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which provides imprisonment of not more than five years and a fine of not more than RM10,000 or both upon conviction. They pleaded guilty.

At a Magistrate's Court, Lim pleaded guilty to keeping obscene pictures and videos.

He was charged under Section 929(a) of the Penal Code.

Lim was fined RM5,000 in default of five months imprisonment.

Separately, Goh pleaded guilty to keeping pornographic content in a mobile phone.

He was also charged under Section 929 (a) of the Penal Code.

Goh received a fine of RM5,000 in default of 12 months imprisonment.

# WARGA EMAS DIDENDA RM7,000 CABUL KANAK-KANAK LELAKI

17/01/2025 07:49 PM



Gambar hiasan.

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Seorang warga emas didenda RM7,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas mengaku bersalah mencabul kehormatan seorang kanak-kanak lelaki berumur 12 tahun.

Hakim Mohd Kafli Che Ali yang menjatuhkan hukuman itu turut memerintahkan Ng Boo Cheng, 63, menjalani hukuman penjara tujuh bulan jika gagal membayar denda.

Lelaki itu didakwa mencabul kehormatan kanak-kanak terbabit di sebuah kedai makan di Setapak di sini, pada 5 petang, 17 April 2024, mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau kedua-duanya.

Berdasarkan fakta kes, semasa kanak-kanak lelaki itu dalam perjalanan pulang ke rumah, tertuduh telah memanggil mangsa masuk ke dalam kedai makan miliknya serta bertanya khabar dan memeluk mangsa.

Mangsa mengenali tertuduh kerana pernah membeli makanan di kedai terbabit dan semasa kejadian itu berlaku, kedai berkenaan tutup.

Mangsa kemudian memberitahu bapanya mengenai kejadian itu dan laporan polis telah dibuat pada hari sama (17 April).

Peguam S. Narasimhan merayu hukuman denda rendah atas alasan anak guamnya tidak bekerja kerana menghidap penyakit darah tinggi, diabetes serta sakit jantung yang memerlukan rawatan susulan di Hospital Serdang.

“Tertuduh kesal dan berjanji tidak akan melakukan kesalahan itu lagi. Saya mohon hukuman penjara terhadap anak guam dikecualikan dan hanya diberikan hukuman denda. Tertuduh juga tidak akan mengganggu mangsa dan keluarganya,” kata peguam itu.

Timbalan Pendakwa Raya Noor Shakira Aliana Alias memohon hukuman penjara dan sebatan yang setimpal dengan kesalahan itu bagi memberi pengajaran kepada tertuduh serta masyarakat.

“Perbuatan ini jijik dan tidak bermoral... mangsa merupakan kanak-kanak berusia 12 tahun 10 bulan yang sepatutnya dilindungi bukan mengambil kesempatan terhadapnya. Kejadian ini memberi impak kepada keluarga dan kehidupan mangsa,” katanya.

# Teacher charged with non-physical sexual abuse of minor

By New Straits Times - January 17, 2025 @ 11:16am




A teacher from a boarding school was brought before the Sessions Court yesterday on charges of committing non-physical sexual abuse against a 13-year-old child six years ago.

KLANG: A teacher from a boarding school was brought before the Sessions Court yesterday on charges of committing non-physical sexual abuse against a 13-year-old child six years ago.

According to an Utusan Malaysia report, the accused, Erzazuraidi Mohd Nasir Perumal, however, pleaded not guilty after the charges were read to him in front of Judge Noridah Adam.

Erzazuraidi was charged with committing sexual abuse against the child by instructing the victim to take photographs of himself in sexually suggestive positions for sexual purposes.

The offense occurred around 3am between November and December 2019 at a house in Kampung Bukit Kerayong, in Kapar, Klang.

He was charged under Section 15(f) of the Sexual Offenses Against Children Act 2017, read in conjunction with Section 16 of the same Act, which carries a penalty of up to 10 years in prison, a fine of RM20,000, or both, and shall be subject to at least two strokes of the cane.

Deputy public prosecutor, Nur Ayuni Jamri, offered the accused bail of RM15,000 with one surety and additional conditions.

The lawyer representing the accused, Khairul Mukhtar, requested the court to set the bail at RM3,000, citing factors that Erzazuraidi, 40, is still employed and there is no evidence that he would flee.

"The accused is a public servant (teacher) and has been under investigation since 2022. Throughout the investigation, my client has cooperated well with the police, and today he appeared in court to face his charges," he said.

The judge then set the bail at RM5,000 with one surety and imposed additional conditions that the accused must not disturb the victim and witnesses, and must report to the nearest police station every month.

Observing lawyer Faizal Rahman, representing the victim and family members, urged for a full investigation to be conducted at the school to identify issues of sexual harassment there, claiming that the child is not the first victim.

On Jan 10 of last year, this newspaper reported that the victim's brother expressed regret that the school's teacher had committed sexual harassment against his sister, who was then trying to join the school's hockey team.

# Jurulatih hoki sekolah berasrama tidak mengaku bersalah amang seksual




Oleh MOHAMAD ATHIR BIN ISMAIL 17 Januari 2025, 8:03 am

KLANG: Seorang guru yang juga jurulatih hoki sebuah sekolah berasrama penuh dihadapkan ke Mahkamah Sesyen hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual bukan fizikal terhadap seorang kanak-kanak berusia 13 tahun, pada enam tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Erzazuraidi Mohd. Nasir Perumal mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan ke atasnya di hadapan Hakim Noridah Adam.

Berdasarkan pertuduhan, Erzazuraidi didakwa melakukan amang seksual terhadap kanak-kanak itu dengan cara menyuruh mangsa mengambil gambarnya sendiri dengan posisi-posisi yang berunsur lucah bagi maksud seksual.

Kesalahan tersebut dilakukan sekitar pukul 3 pagi antara November hingga Disember 2019 dekat sebuah rumah di Kampung Bukit Kerayong, di Kapar, Klang.

Justeru, dia dituduh di bawah Seksyen 15(f) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang dibaca bersama Seksyen 16 akta sama, yang mana sabit kesalahan boleh dipenjara 10 tahun, denda RM20,000 atau kedua-duanya dan hendaklah dikenakan sekurang-kurangnya dua sebatan.

Timbalan Pendakwa Raya Nur Ayuni Jamri kemudian menawarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan.

Bagaimanapun, peguam mewakili tertuduh, Khairul Mukhtar memohon mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM3,000 atas faktor-faktor Erzazuraidi, 40, masih berkhidmat dan tiada bukti akan melarikan diri.

"Tertuduh adalah seorang penjawat awam (guru) dan disiasat sejak 2022. Sepanjang siasatan, anak guam memberi kerjasama yang baik kepada polis, malah pada hari ini dia hadir sendiri ke mahkamah bagi menghadapi pertuduhannya," katanya.

Hakim Noridah kemudian menetapkan jaminan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan syarat tambahan iaitu tertuduh tidak boleh mengganggu mangsa dan saksi serta melapor diri di balai polis berhampiran pada setiap bulan.

Mahkamah turut menetapkan sebutan semula pada 25 Februari ini bagi serahan dokumen.
Sementara itu, peguam pemerhati, Faizal Rahman yang mewakili mangsa dan ahli keluarga menggesa siasatan penuh dilakukan terhadap sekolah berkenaan bagi mengenal pasti isu gangguan seksual di sana apabila mendakwa kanak-kanak tersebut bukan yang pertama.

"Mangsa yang disebut dalam pertuduhan hari ini bukan yang pertama, ramai lagi dipercayai pernah menjadi mangsa gangguan seksual di sekolah berkenaan. Antara kelakuan dihadapi seperti ayat-ayat 'double meaning', perilaku dan sebagainya.

"Malah saya sendiri menerima aduan daripada pelajar yang menghadapi masalah sama," katanya kepada Utusan Malaysia.

Pada 10 Januari tahun lalu, akhbar ini melaporkan abang kepada mangsa berasa kesal dengan guru sekolah berkenaan yang melakukan gangguan seksual terhadap adiknya yang ketika itu mahu menyertai pasukan hoki sekolah terbabit.

Selain itu, dia turut kesal apabila siasatan mengambil masa terlalu lama apabila laporan polis dibuat pada 2021 namun ditolak oleh pegawai berkenaan kerana mengatakan tidak mempunyai bukti kukuh untuk menuduh guru tersebut.

Bagaimanapun, dia kemudian dinasihatkan Faizal supaya membuat laporan polis sekali lagi di Balai Polis Dang Wangi pada Mac 2022. – UTUSAN

# Buruh rogol, cabul anak tiri dipenjara 36 tahun dan 22 sebatan

ASYIKIN ASMIN Follow

17 Januari 2025 12:42pm



Seorang buruh binaan dipenjara 36 tahun dan dikenakan 22 sebatan di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan merogol dan mencabul dua anak tirinya dalam kejadian di dua lokasi berasingan di daerah ini - Gambar hiasan

KENINGAU - Seorang buruh binaan dipenjara 36 tahun dan dikenakan 22 sebatan di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan merogol dan mencabul dua anak tirinya dalam kejadian di dua lokasi berasingan di daerah ini.

Hakim Ahmad Fairuz Mohd Puzi menjatuhkan hukuman itu kepada lelaki berusia 40 tahun dalam prosiding yang dijalankan pada Khamis.

Ketua Polis Daerah Keningau Superintenden Yampil Anak Garai berkata, suspek ditangkap selepas laporan polis dibuat oleh kedua-dua mangsa yang juga merupakan anak tirinya sebelum ini.

"Laporan polis yang diterima melibatkan mangsa pertama yang kini berusia 17 tahun yang mendakwa dirogol sejak berusia enam tahun di sebuah kampung di sini.

"Laporan kedua dibuat oleh mangsa kedua iaitu kakak kepada mangsa pertama yang mendakwa dicabul tertuduh sejak berusia sembilan tahun di sebuah taman perumahan di sini," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Katanya lagi, kedua-dua mangsa merupakan anak tiri tertuduh di mana tertuduh telah berkahwin dengan ibu mereka sejak tahun 2010.

"Tertuduh kemudian didakwa di bawah Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan dan dijatuhkan hukuman atas dua kesalahanan di mana hukuman tersebut dijalankan secara berasingan," katanya.

Sebelum itu, prosiding dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Ling Guong Zhin dan tertuduh diwakili peguam, Timothy Daut.

# Lelaki rogol cucu jiran ditahan

Abdul Rahemang Taiming
am@hmetro.com.my



SUSPEK ditahan di sebuah rumah di sini, kerana disyaki merogol kanak-kanak perempuan tahun, Rabu lalu. Ihsan PDRM.

Tawau: Seorang penyelenggara bangunan ditahan polis selepas disyaki merogol seorang kanak-kanak perempuan berumur 13 tahun yang juga cucu jirannya di sebuah rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dekat sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Tawau, Asisten Komisioner Jasmin Hussin berkata, lelaki berusia 30 tahun itu ditahan kira-kira jam 7.50 malam susulan laporan polis dibuat oleh mangsa yang ditemani neneknya.

Beliau berkata, berdasarkan laporan dibuat mangsa kejadian itu terbongkar selepas mangsa menceritakan dia dirogol dan dicabul oleh suspek sebanyak tiga kali iaitu masing-masing pada bulan Jun (kejadian pertama) dan pada awal serta pertengahan Julai lalu.

"Bertindak daripada laporan itu sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ) IPD Tawau membuat serbuan ke atas sebuah rumah dan berjaya menahan seorang lelaki lingkungan umur 30 tahun.

"Suspek adalah jiran kepada mangsa yang disyaki terbabit dalam kes rogol sebagaimana yang dilaporkan dan disiasat polis," katanya menerusi kenyataan di sini hari ini.

Jasmin berkata, hasil semakan rekod jenayah lampau juga mendapati suspek pernah disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 9(5) Akta Perhimpunan Awam 2012.

"Suspek kini ditahan reman untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan atas kesalahan rogol yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan," katanya.

**Disiarkan pada: Januari 17, 2025 @ 6:22pm**




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA GAGAL BERI WANG DIPUKUL BEKAS KEKASIH | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 18 JAN 2025 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita gagal beri wang dipukul bekas kekasih

**Sungai Petani:** Anak ahli perniagaan bergelar Datuk mendakwa menjadi mangsa pukul, selain diugut bekas teman lelaki kerana gagal memberi wang.

Wanita berkenaan yang hanya mahu dikenali sebagai Jihan, 39, mendakwa turut kerugian lebih RM300,000 akibat diperdaya lelaki itu.

Dia membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Langkawi pada Rabu lalu dan Ketua Polis daerah, Asisten Komisioner Shariman Ashari, ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan daripada wanita terbabit.

Ibu tunggal seorang anak itu, mendakwa mengenali lelaki terbabit yang bekerja sebagai penjawat awam di sebuah agensi penguat kuasa di Langkawi sejak 2020 melalui media sosial dan pada mulanya, bekas kekasihnya itu menunjukkan sifat romantis selain berjanji berkahwin dengannya.

"Dia beritahu saya dia dalam proses berpisah dengan isterinya walaupun sudah mempunyai seorang anak, namun semua tipu belaka.

"Disebabkan dia berjanji untuk berkahwin dengan saya, apa saja yang dia mahu saya tunaikan.

"Saya sanggup membelikan sebuah kereta mewah BMW, sebuah motosikal, jam tangan berjenama bernilai RM6,000, cermin mata bernilai RM2,000, selain wang yang dimasukkan ke dalam akaun bank miliknya setiap bulan.

"Saya mula mengikut kehendaknya dengan memberi apa saja, termasuk wang sejak itu.

"Malah, saya turut membelikan jet ski untuknya menjalankan perniagaan. Dia mula menunjukkan sikap panas baran apabila saya tidak memberikan wang kepadanya sejak tahun lalu," katanya ketika ditemui di sini, semalam sambil menambah, mereka sering bertemu di Langkawi kerana lelaki itu bertugas di sana.

Dia mendakwa, bukan sahaja pernah dimaki hamun oleh lelaki berkenaan, malah pernah dicekik, ditumbuk dan kepalanya dihantuk.

"Pada 10 Oktober 2023, jam 3.13 petang, dia mencekik saya sehingga meninggalkan kesan merah, selain lebam pada bahagian mata akibat ditumbuk serta dihantuk kepala.

"Saya mendapatkan rawatan di sebuah klinik swasta di Langkawi akibat kecederaan yang dialami.


*Jihan menunjukkan kesan lebam akibat dipukul bekas teman lelakinya.* (Foto Zuliaty Zulkiffli/BH)

"Bukan itu saja, bekas kekasih turut mengugut dengan pelbagai ugutan, termasuk mahu mengaibkan diri saya kepada keluarga jika saya tidak menurut kehendaknya serta pernah mengacu pisau ketika kami bergaduh tahun lalu," katanya.

Jihan berkata, lelaki itu juga sering mencari kesilapan dalam perhubungan mereka dan terus menghantar WhatsApp ugutan kepadanya, menjadikan dia trauma dan terpaksa menyekat nombor telefon lelaki terbabit bagi mengelak terus menerima ugutan.